

Pilihan Raya berjalan lancar dan serentak di 2 kampus

Pilihan raya kampus di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjalan lancar apabila seramai 4,596 pelajar dengan peratusan sebanyak 75 peratus keluar menunaikan tanggungjawab mengundi memilih perwakilan dalam suasana tenang yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP di Gambang dan buat pertama kalinya di dewan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik di Pekan pada 23 Februari 2011 yang lalu.

Pilihan raya kali ini mencatat sejarah apabila ianya menyaksikan pengundian dijalankan serentak di kedua-dua kampus, iaitu di Gambang dan di Pekan menggunakan 'e-Undi' bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMP sesi 2011/2012.

Kemeriahan pelajar berkempen dan memperjuangkan manifesto merencanakan suasana pilihan raya di kampus pada kali ini.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP UMP 2011/2012 berkata, pemilihan perwakilan dibahagikan kepada dua iaitu bagi kerusi umum dan fakulti.

"Sebanyak 24 kerusi diperuntukkan bagi mengisi lapan kerusi umum dan 16 kerusi fakulti pada tahun ini berbanding 21 kerusi tahun lalu.

"Tahun ini juga menyaksikan pertambahan calon sebanyak 74 peratus iaitu 53 calon termasuk 23 calon wanita berbanding seramai 39 calon sebelum ini.

"Ini membuktikan mahasiswa UMP telah mempunyai kesedaran untuk menjadi pemimpin dan mewakili suara mahasiswa universiti," katanya.

Menurut beliau, keputusan undi pada kali ini menyaksikan 63 peratus calon yang menang iaitu 15 calon terdiri di kalangan

pelajar perempuan membarisi kepimpinan MPP," katanya.

Sementara itu, calon dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Mathan Raj a/l Suparmaniam dan Norazlin Sarju @ Hj Mohd. Nor diumumkan menang tanpa bertanding.

Keputusan calon yang menang diumumkan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz pada pukul 6 petang di Kompleks Sukan UMP.

Dalam pada itu, seorang pemenang kerusi umum yang mendapat undian tertinggi, Shahira Mohd Basir, 21 dari

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) berkata, beliau akan merealisasikan manifestonya bagi meningkatkan isu kebajikan dan keselamatan mahasiswa di kampus.

Selain itu, beliau berhasrat mewujudkan suatu tempat bagi mengumpulkan bahan projek penyelidikan pelajar dalam meningkatkan kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar UMP.

Turut sama memenangi kerusi umum, Mohd. Zulwafi Baharudin, 21 dari fakulti yang sama yang berhasrat untuk terus memperjuangkan isu kebajikan dan keselamatan mahasiswa di dalam kampus.

